

RUU: Ahli Parlimen senada, tapi mahu perincian definisi

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Walaupun semua pemimpin parti dan ahli politik senada terhadap cadangan penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Anti Lompat Parti, ada dalam kalangan mereka mahu tafsiran undang-undang itu diteliti khususnya tentang definisi sebenar amalan lompat parti.

Malah ada ahli Parlimen yang mengambil bahagian dalam pembahasan RUU Perlembagaan (Pindaan) (No 3) 2022 pada Mesyuarat Khas Dewan Rakyat di Parlimen semalam mencadangkan undang-undang Anti Lompat Parti perlu merangkumi senator atau ahli Dewan Negara di samping ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Misalnya Ahli Parlimen Langkawi, Tun Dr. Mahathir Mohamad mahu definisi undang-undang itu dikaji terperinci apabila membatalkan perbuatan melompat parti



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

terpaksa dilakukan dalam keadaan tiada satu parti mendapat majoriti mudah selepas keputusan pilihan raya umum.

Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) itu berkata, keadaan itu bakal menyaksikan satu parti lain perlu menyertai pihak di dalam satu gabungan untuk

membentuk kerajaan.

“Ini bukan satu cara lompat jika keputusan itu dibuat parti dan bukannya individu yang kemungkinan ditarik sebagai menteri dan sebagainya,” katanya yang kemudian menegaskan penggubalan RUU itu perlu dikaji lebih teliti oleh Jawatankuasa Pilihan Parlimen.

Ahli Parlimen Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Yassin membangkitkan persoalan berkenaan definisi wakil rakyat melompat parti sekiranya mereka dipecat atau meninggalkan parti kerana tidak bersetuju dengan kepimpinan parti.

Beliau tidak bersetuju jika situasi itu dianggap sebagai melompat parti dan perlu mengosongkan kerusi dengan serta-merta.

“Jika perkara ini diambil kira, undang-undang ini dianggap zalim apabila ada banyak sebab ahli dipecat atau meninggalkan parti antaranya menyatakan sesuatu yang hak dan partinya sudah lari daripada prinsip per-

juangan sebenar,” kata Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu.

Senada dengan Muhyiddin, Ahli Parlimen Pasir Mas, Ahmad Fadhli Shaari berkata, kuasa parti tidak boleh mengatasi undang-undang negara apabila seseorang wakil rakyat terpaksa mengosongkan kerusi kerana dipecat.

“Bagaimana pula dalam keadaan Yang di-Pertuan Agong melantik seorang wakil rakyat yang bukan ketua parti menjadi Perdana Menteri? Sekiranya ini berlaku, mungkin dia dipecat parti kerana tidak puas hati akan menyebabkan pilihan raya terpaksa diadakan kerana kekosongan berlaku,” soal Ketua Pemuda Pas itu.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Pontian yang juga Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Ahmad Maslan mencadangkan, definisi RUU Anti Lompat Parti wajar merangkumi anggota Dewan Negara yang dilantik Dewan Undangan Negeri (DUN).